

## **KESAN PENGGUNAAN LEMBARAN “TGB” DALAM MEMBETULKAN TEKNIK MENULIS HURUF KECIL MURID TAHUN TIGA**

Oleh

**Mary Anak Lagat**  
**mvsieghart990@gmail.com**

### **ABSTRAK**

*Penyelidikan ini dijalankan untuk melihat kesan penggunaan lembaran “TGB” dalam membetulkan teknik menulis huruf kecil “g”, “p”, “s” dan “y” Hana, murid Tahun Tiga, di samping menambah baik amalan sendiri sebagai guru Bahasa Melayu. Penggunaan lembaran “TGB” berbantuan carta huruf berpetak adalah berasaskan Teori Pemodelan Bandura (1986). Kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual digunakan untuk mengumpul data kesan tindakan. Cara analisis data kajian ini adalah melalui analisis kandungan, analisis pola dan analisis secara kuantitatif dalam bentuk peratusan kesalahan. Triangulasi sumber dan triangulasi kaedah pula digunakan untuk penyemakan data. Hasil analisis menunjukkan penggunaan lembaran “TGB” berjaya membetulkan teknik menulis huruf kecil Hana selain menambah baik amalan sendiri dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.*

*Kata kunci: Lembaran tiga garis berpetak, Teori Pemodelan Bandura, huruf kecil, carta huruf berpetak, kemahiran menulis, murid Tahun Tiga*

### **ABSTRACT**

*This research was done to investigate the effect of using “TGB” worksheets on Hana’s technique in writing lower case letters “g”, “p”, “s”, and “y”. In addition to that, this research also meant to improve my own practices as a Malay Language teacher. The use of “TGB” worksheets supported with the usage of boxed letters chart is based on Bandura’s Modeling Theory (1986). Observations, document analysis, and interviews were used to collect data. The data analysis methods were content analysis, pattern analysis, and quantitative analysis using percentage of errors. Triangulation of sources and method were used for data checking. The result of analysis showed that the use of “TGB” worksheets helped the participant in writing lower case letters correctly. Besides, my own practices in Malay Language writing also improved.*

*Keywords: Three lined boxed sheet, Bandura’s Modeling Theory, lower case letters, boxed letters charts, writing skill, Year Three pupil*

### **PENGENALAN**

#### **Konteks**

Saya merupakan guru pelatihambilan Januari 2009 di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPG KBL) dalam opsyen Bahasa Melayu yang telah menjalani praktikum Fasa III di SK Dabai (nama samaran) selama tiga bulan. SK Dabai merupakan sekolah di kawasan bandar iaitu kira-kira 15 kilometer dari institut. Saya telah mengajar dua buah kelas berlainan tahap iaitu Tahun 3 Biru dan

Tahun 4 Kuning (nama samaran). Murid Tahun 3 Biru terdiri daripada murid yang mempunyai pelbagai aras. Ini berlainan daripada murid Tahun 4 Kuning yang mana aras kebolehan muridnya adalah tinggi.

Setelah mengajar dua buah kelas tersebut selama seminggu, saya telah mendapati seorang murid perempuan Tahun 3 Biru iaitu Hana (nama samaran) menghadapi masalah dalam menulis huruf kecil 'g', 'p', 's', dan 'y' dengan betul. Masalah menulis huruf ini tidak seharusnya wujud pada murid Tahun Tiga kerana murid telah diajar cara-cara menulis dengan betul semasa Tahun Satu. Masalah menulis huruf ini juga pernah saya temui semasa menjalani dua fasa praktikum sebelumnya yang mana murid selalu mencampuradukkan huruf besar dan huruf kecil semasa menulis.

### Fokus Kajian

Saya telah menyemak hasil kerja Hana pada 8 Februari 2012 dan mendapati Hana menulis huruf kecil 'g' dan 'y' di atas garisan manakala huruf kecil 'p' dan 's' ditulis seperti huruf besar pada perkataan yang bukan Kata Nama Khas seperti ditunjukkan pada Rajah 1.

1	Neppi sedang mengaji <i>sejau</i> .	
2	Sauk <i>ah. Sebauh</i> <i>memegang</i> <i>Pelak</i> <i>banjau</i> .	Huruf "S" besar pada perkataan "sedang" dan huruf "g" kecil atas garisan.
3	Dawaia <i>Sebauh</i> <i>menikmati</i> <i>Satufaha</i> .	
4	Hazim <i>Sebauh</i> <i>memberi</i> <i>ikan</i> <i>makan</i> <i>kepada</i> <i>ibu</i> <i>nya</i> .	Huruf "P" besar pada perkataan "pasir" dan huruf "Y" besar di tengah-tengah perkataan "kayu".
5	Siswa <i>Sebauh</i> <i>menjadi</i> <i>ibu</i> <i>nya</i> <i>ibu</i> <i>nya</i> .	
		Markah "0" diberikan kepada Hana.

Rajah 1. Data awal menunjukkan masalah penulisan Hana (8 Februari 2012).

Berdasarkan Rajah 1, saya telah memberikan markah sifar dan tidak menandakan betul pada hasil kerja Hana walaupun jawapan tersebut betul. Namun, disebabkan banyaknya kesalahan menulis empat huruf tersebut, saya dalam dilema sama ada ingin menandakan betul atau tidak. Untuk memastikan Hana sememangnya mempunyai masalah menulis empat huruf tersebut, saya telah melihat hasil kerja Hana pada 9 Februari 2012 seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.

3. Pertandingan itu akan diadakan pada hari ini? (atau) Pertandingan itu akan diadakan pada hari esok?	<i>Pertandingan itu akan diadakan hari ini atau esok?</i>	<span style="border: 1px solid red; padding: 2px;">g</span> Kesalahan huruf "g" kecil.
4. Aiman berumur tiga tahun. (tetapi) Dia pandai membaca akhbar.	<i>Aiman berumur tiga tahun tetapi dia pandai membaca akhbar.</i>	<span style="border: 1px solid red; padding: 2px;">s</span> Kesalahan huruf "s" kecil.
6. Perabot itu cantik. (tetapi) Perabot itu mahal harganya.	<i>Perabot itu cantik tetapi mahal harganya.</i>	<span style="border: 1px solid red; padding: 2px;">p</span> Kesalahan huruf "p" kecil.
	<i>Disemak! 7/2</i>	<span style="border: 1px solid red; padding: 2px;">y</span> Kesalahan huruf "y" kecil.

Rajah 2. Data awal kedua menunjukkan Hana menghadapi masalah dalam menulis (9 Februari 2012).

Berdasarkan Rajah 2, Hana didapati menulis empat huruf kecil tersebut dengan salah. Oleh itu, dalam kajian ini, saya membantu Hana melalui penggunaan

lembaran tiga garis berpetak (TGB) dibantu carta huruf berpetak supaya Hana dapat menulis empat huruf tersebut dengan betul selain menambah baik amalan saya dalam kemahiran menulis.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk:

- membetulkan teknik menulis huruf kecil “g”, “p”, “s” dan “y” Hana bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Tiga menggunakan lembaran “TGB”, dan
- menambah baik amalan saya dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) untuk kemahiran menulis melalui penggunaan lembaran “TGB” bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Tiga.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Apakah kesan penggunaan lembaran “TGB” dalam membetulkan teknik menulis Hana bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Tiga?
- Sejauh manakah penggunaan lembaran “TGB” dapat menambah baik amalan saya dalam P&P untuk kemahiran menulis bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Tiga?

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Pusat Perkembangan Kurikulum (2003) menyatakan kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat dengan betul. Ini bermakna murid diajar cara-cara menulis perkataan dan ayat dengan tulisan yang cantik dan betul bermula semenjak pertama kali menjejak kaki ke alam persekolahan. Namun, situasi adalah berlainan bagi Hana yang merupakan murid Tahun Tiga tetapi mempunyai masalah menulis huruf dengan betul.

Kegagalan untuk menguasai peringkat pratulisan juga merupakan punca Hana mempunyai masalah menulis. Peringkat pratulisan merupakan kemahiran asas kepada kemahiran tulisan mekanis (Husin Fateh Din, Nazariyah Sani, Mastura Mohamed Berawi & Siti Hajar Idrus, 2011). Matlamat peringkat pratulisan adalah bertujuan membolehkan murid-murid bersedia untuk belajar menulis di samping dapat membantu mereka menulis huruf dengan betul, cekap dan pantas. Peringkat sebegini sepatutnya sudah diajar dikuasai oleh murid daripada Tahun Satu dan masalah sebegini tidak sepatutnya wujud dalam kalangan murid Tahun Tiga.

Selain itu, tulisan yang cantik dan kemas mempengaruhi markah murid dalam peperiksaan (Yahya Othman, 2005). Ini disebabkan markah untuk penulisan bergantung kepada struktur tatabahasa yang digunakan oleh murid iaitu aspek kemahiran menulis mekanis yang melibatkan teknik-teknik menulis huruf. Saya menyokong kenyataan ini yakni saya sukar untuk menyemak hasil kerja Hana kerana begitu banyak kesilapan dari segi teknik menulis. Oleh itu, saya membantu Hana menulis dengan teknik yang betul untuk memudahkan saya menyemak hasil kerjanya di samping dapat mengelak Hana daripada markah semasa peperiksaan.


### **Pelaksanaan Tindakan**

Saya melaksanakan tindakan bermula dari pada 26 Mac 2012 hingga 20 April 2012

semasa dan luar waktu P&P. Tindakan di luar waktu P&P berlangsung selama 30 minit di dewan makan dan bilik Muzik. Beberapa siri tindakan berikut diambil.

### Tindakan I: Penghasilan lembaran “TGB” dan bahan bantu mengajar.

Idea mengenai lembaran “TGB” ini saya perolehi daripada kajian Lina Ping Madang (2010) yang mana beliau menggunakan Kertas Kotak Bergaris (KKB) untuk membantu peserta kajian menulis huruf kecil “j” dengan betul. Namun, disebabkan proses penghasilan adalah berbeza, saya telah menamakannya sebagai lembaran “TGB”. Saya menghasilkan lembaran “TGB” melalui proses *scanning, cut, paste* dan *resize* dalam bentuk salinan lembut pada *Microsoft Word*. Secara kebetulan, semasa proses *resize*, ukuran lembaran “TGB” sama dengan ukuran “KKB” (Sila Rujuk Rajah 3).



Rajah 3. Ukuran lembaran “TGB”.

Kemudian, saya menghasilkan bahan bantu mengajar iaitu carta huruf berpetak (CHB). Jenis tulisan yang saya gunakan dalam “CHB” berdasarkan model tulisan yang dikemukakan oleh Sassoon (2003) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.



Rajah 4. Jenis model tulisan huruf kecil yang bulat dan menegak pada “CHB”.

Penggunaan “CHB” ini berasaskan Teori Pemodelan Bandura (1986). Teori ini menyatakan manusia secara semula jadi belajar melalui proses peniruan atau pemerhatian (dalam Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, 2009). Oleh itu, semasa tindakan, Hana menulis menggunakan lembaran “TGB” sambil meniru “CHB”.

### Tindakan II & III: Latihan menulis huruf dan perkataan

Tindakan menulis huruf bermula pada 26 Mac 2012 dan 30 Mac 2012 manakala tindakan menulis perkataan pada 4 April, 5 April dan 12 April 2012. Semasa tindakan ini, Hana menggunakan lembaran “TGB” dibantu “CHB”. Saya juga membimbing Hana menulis dengan betul semasa dua tindakan ini dilaksanakan.

### Tindakan IV: Latihan mengimlak (16 April 2012).

Latihan imlak merupakan latihan menulis ayat selepas penguasaan kemahiran menulis Hana terbukti. Pada kali ini, Hana masih menggunakan lembaran “TGB” tetapi tidak dibantu oleh “CHB” dan saya juga tidak membimbingnya. Tujuan saya

berbuat demikian untuk melihat sama ada Hana menguasai kemahiran menulis tanpa dibantu “CHB” dan bimbingan.

### Tindakan V: Latihan menulis ayat secara perenggan (20 April 2012).

Pada peringkat ini, Hana menggunakan lembaran baris satu seperti lembaran yang selalu digunakan dalam buku tulis yang biasa. Saya juga tidak membimbing dan Hana menulis tanpa dibantu “CHB”. Tindakan ini dilaksanakan setelah Hana menunjukkan prestasi yang baik dan telah menguasai kemahiran menulis empat huruf tersebut.

## METODOLOGI

### Peserta Kajian

Hana merupakan murid yang mempunyai tahap pencapaian sederhana dalam akademik dan kurang aktif semasa sesi soal jawab. Namun begitu, dia selalu menghantar latihan yang diberikan pada masa yang telah ditetapkan. Dia juga merupakan bekas murid pemulihan Matematik. Elliot dan Adelman (1976) menyatakan penyelidikan tindakan merupakan suatu pendekatan yang merupakan usaha untuk meningkatkan mutu profesionalisme. Dengan kata lain, ianya bertujuan untuk memperbaiki kualiti amalan guru. Selari dengan definisi penyelidikan tindakan, saya juga merupakan peserta kajian selain Hana.

### Etika Penyelidikan

Saya telah meminta kebenaran daripada pihak sekolah untuk menjalankan kajian di sekolah tersebut. Kemudian, saya memberikan surat persetujuan menjadi peserta kajian kepada Hana sebelum memulakan kajian (Sila Rujuk Rajah 5). Saya juga memberikan surat kebenaran kepada Cikgu Aey (guru Bahasa Melayu Tahun 3 Biru) (nama samaran) mengeluarkan Hana semasa P&P beliau pada hari Isnin dan Jumaat selama 30 minit kerana saya hanya mengajar di kelas tersebut sebanyak dua kali seminggu (Sila Rujuk Rajah 6). Sepanjang tindakan saya hanya mengeluarkan Hana sebanyak empat kali secara selang seli .



Rajah 5. Surat persetujuan peserta kajian



Rajah 6. Surat Kebenaran kepada Cikgu Aey.

### Teknik Mengumpul Data

Saya menggunakan tiga kaedah untuk mengumpul data kesan tindakan iaitu kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual separa struktur.

### Pemerhatian

Saya menggunakan kaedah pemerhatian sepanjang tindakan dilaksanakan. Saya mencatat insiden yang berlaku semasa tindakan menggunakan rekod anekdot

Catatan pada rekod anekdot merangkumi apa yang dilihat dan apa yang didengar sepanjang tindakan dilaksanakan. Saya juga merakam gambar proses tindakan ini dilaksanakan. Gambar ini juga dapat dijadikan bukti dan bahan sokongan.

**Analisis dokumen**

Dokumen yang dimaksudkan merupakan hasil kerja Hana untuk setiap tindakan. Saya mengutip hasil kerja Hana sejeurus selesai menjalani setiap tindakan.

**Temu bual separa struktur**

Saya telah menemu bual Hana, rakan praktikum iaitu Shahidatul dan Cikgu Aey sepanjang tindakan. Saya menggunakan temu bual jenis ini supaya saya boleh mengemukakan soalan-soalan yang lain berdasarkan respons semasa menemu bual selain mengemukakan soalan yang sudah saya gubal terlebih dahulu sebelum menemu bual. Soalan yang digubal terlebih dahulu bertujuan agar saya tidak tersasar jauh semasa menemu bual dan untuk mengelakkan daripada berlakunya keciciran sebarang maklumat yang penting. Contoh soalan temu bual yang saya kemukakan kepada Hana pada 20 April 2012 selepas tindakan adalah seperti berikut:



- Mengapa awak tidak menulis huruf kecil “g” dan “y” dengan ekornya atas garisan lagi?
- Mengapa awak tulis huruf kecil “p” dan “s” begini?
- Apakah perubahan yang awak kesan selepas gunakan lembaran TGB ini?

**Teknik Menganalisis Data**


Analisis kandungan, analisis secara kuantitatif dan analisis pola digunakan untuk menganalisis data kesan tindakan.

**Analisis kandungan**


Untuk analisis rekod anekdot, saya menggunakan borang analisis kandungan yang mengandungi kekuatan, kelemahan, punca dan cadangan penambahbaikan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 7. Selain itu, saya menganalisis dengan transkripsi temu bual dengan Hana, Shahidatu dan Cikgu Aey menggunakan catatan refleksi yang mana saya mentafsir kenyataan yang telah diberikan oleh mereka semasa temu bual (Sila Rujuk Rajah 8). Saya juga menyemak hasil kerja Hana untuk tujuan analisis kandungan seperti membuat penandaan terutamanya pada empat huruf tersebut (Sila Rujuk Rajah 9).

Aspek	Penerangan	Situasi
Kekuatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ada menunjukkan cara-cara menggunakan TGB berbantuan carta huruf berpetak.</li> <li>• Mund dan peserta kajian berminat dengan lembaran TGB.</li> <li>• Carta huruf berpetak tidak digantung pada kedudukan yang tinggi.</li> </ul>	<p>"Mary menunjukkan cara-cara menulis menggunakan lembaran TGB."</p> <p>"Semua mund lumpukan perhalan termasuk peserta kajian kepada Mary."</p> <p>"Sekali sekala dia berdiri sambil melihat ke arah carta huruf berpetak..."</p>
Kelemahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lebih lumpukan kepada mund lain.</li> </ul>	<p>"Mary tidak membimbing peserta kajannya kerana dia mengawal mund lain."</p>
Cadangan penambahbaikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gantungan carta huruf berpetak di tempat yang tinggi dan mudah serta jelas dilihat.</li> <li>• Akan membimbing peserta kajian dengan lebih teliti di samping mengawal mund yang lain.</li> <li>• Letakkan peserta kajian di tempat duduk hadapan bahagian tengah.</li> </ul>	
Tandatangan penganalisis		
Tandatangan penyemak	 (9/9/12)	

Rajah 7. Analisis kandungan rekod anekdot Shahidatul (4 April 2012).

Saya	Cikgu. ini merupakan salah satu litarannya. Apakah kesalahan yang dapat cikgu kenal pasti pada lembaran ini? (sambil menunjukkan lembaran Hana)	Refleksi: Hana seremangnya mengalami masalah menulis huruf "g", "p", "s" dan "y".
Cikgu Aey	<b>Apakah inis yang mengandungi huruf besar dan huruf kecil. Sila huruf ini sahaja sila. Pilih, menunjukkan huruf "g", "p", "s" dan "y".</b>	
Saya	Apakah yang baik?	Refleksi: Hana masih melakukan kesilapan semasa menulis huruf tersebut walaupun pernah dibayar oleh gurunya.
Cikgu Aey	Cara tulis. Mana ada tulis huruf "g" macam ini. Sebelum ini, garisan mund ini mengawal masalah sebegini?	
Saya	Ya, betul-betul. Bagaimana dengan garisan ini secara keseluruhan mund tersebut?	
Cikgu Aey	Kalau mund tersebut sahaja, saya mungkin boleh melihat kerja mereka. Mana itulah saya akan letak berdasarkan tulisan. Apa itu cara anda saya tulis?	
Saya	Bagaimana pula semasa cikgu senam, litaran?	Refleksi: Hana tidak pernah diberi lembaran seperti TGB kerana gurunya selalu menggunakan buku kerja semasa menulis dan buku litaran sebelum sahaja.
Cikgu Aey	Mana pernah saya bualkan yang sah dan tulis?	
Saya	Apakah inis yang anda bualkan dan semasa mund?	
Cikgu Aey	Mundur tulis guna buku tulis sekolah? Tak pernah, saya banyak gunakan buku kerja daripada buku teks. Mundur guna buku litaran?	
Tandatangan responden	 2013	

Rajah 8. Analisis temu bual dengan Cikgu Aey pada 27 Mac 2012.



Rajah 9. Analisis kandungan terhadap hasil kerja Hana pada 12 April 2012.

### Analisis secara kuantitatif

Analisis ini digunakan untuk melihat bilangan kesalahan yang dilakukan oleh Hana semasa membuat latihan menulis sepanjang tindakan. Saya menggunakan borang analisis kuantitatif seperti yang ditunjukkan pada Rajah 10.

Tarikh	30 Mac 2012			
Jenis latihan	Menulis huruf			
Huruf kecil	a	b	c	d
Bilangan kesalahan	2	3	1	3
Jumlah huruf (a)	63	63	63	63
Jumlah huruf yang salah (b)	2 + 3 + 1 + 3 = 10			
Jumlah keseluruhan huruf (c)	63 + 63 + 63 + 63 = 252			
[ Hasil daripada (a) ] Peratusan (%)	$\frac{10}{252} \times 100 = 4$			
Gred	A			
Catatan	Menulis dengan baik dan betul. Saiz tulisan ada yang tidak sekata namun masih boleh diterima. Ada huruf ditulis melepasi garisan bawah bukannya tengah. Sangat baik dan telah mula menguasai.			
Tandatangan penganalisis	[Signature]			
Tandatangan penyemak	[Signature]			

Rajah 10. Borang analisis kuantitatif hasil kerja Hana (30 Mac 2012).

Dalam borang tersebut, saya meletakkan ruangan untuk bilangan kesalahan bagi empat huruf tersebut. Pemerolehan peratusan kesalahan adalah berdasarkan rumus berikut:

$$\frac{\text{Jumlah huruf yang salah}}{\text{Jumlah keseluruhan huruf}} \times 100\% =$$

Nilai peratusan tersebut mempunyai gred yang tersendiri. Semakin kurang nilai peratus tersebut, semakin tinggi gred yang diperolehi dan ini menunjukkan prestasi bagi kemahiran menulis semakin baik. Jadual 1 menunjukkan kategori gred berdasarkan peratusan kesalahan yang dibina oleh saya sendiri dan telah dipersetujui oleh Cikgu Aey.

Jadual 1

#### Kategori Gred Mengikut Peratusan

Peratusan (%)	Kategori Gred	Interpretasi
0 – 15	A	Sangat baik dan telah menguasai
16 – 30	B	Baik dan boleh menguasai
31 – 45	C	Memuaskan dan sedang menguasai
46 – 60	D	Lemah dan kurang menguasai
61 ke atas	E	Sangat lemah dan tidak menguasai

### Analisis pola

Saya melakukan analisis pola dengan mengumpul dapatan keseluruhan daripada tindakan saya untuk memudahkan saya menentukan pola terutamanya dari segi



kekerapan kesalahan sama ada menurun, meningkat ataupun tidak konsisten seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2  
*Analisis Dapatan Keseluruhan*

Tarikh	Tindakan	Kekerapan kesalahan per keseluruhan				Peratus (%)	Gred
		g	p	s	y		
9 Februari 2012	Sebelum tindakan	6/6	4/4	5/5	3/3	100	E
26 Mac 2012	Menulis huruf	11/42	5/42	3/42	9/42	16.7	B


Untuk menentukan pola sama ada menurun, meningkat atau tidak konsisten, saya membandingkan data sebelum tindakan dengan data selepas tindakan. Contohnya berdasarkan Jadual 2 tersebut, Hana menunjukkan kekerapan kesalahan menurun di samping gred meningkat daripada gred E kepada gred B.

### Teknik Menyemak Data

Saya menggunakan triangulasi sumber, triangulasi kaedah dan *member checking* untuk penyemakan data supaya data yang diperoleh mempunyai kredibiliti dan kesahan.

### Triangulasi sumber

Triangulasi sumber digunakan semasa penyemakan hasil kerja Hana. Saya membulatkan huruf-huruf yang ditulis salah pada hasil kerja Hana. Selepas saya menyemak, saya meminta Shahidatul menyemak semula hasil kerja Hana dengan menandakan tanda segi empat pada kertas yang sama seperti yang ditunjukkan pada Rajah 11.



Rajah 11. Hasil penyemakan saya dan Shahidatul terhadap hasil kerja Hana pada 30 Mac 2012.

### Triangulasi kaedah

Saya juga menggunakan triangulasi kaedah. Setiap tindakan saya melibatkan kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen untuk satu isu yang sama.

### “Member Checking”

Setelah menganalisis data-data yang diperolehi daripada Hana, Shahidatul dan Cikgu Aey, saya merujuk semula kepada mereka dengan menunjukkan hasil analisis tersebut untuk mengesahkan sama ada hasil analisis saya tadi.



## REFLEKSI

### Refleksi Dapatan

- Apakah kesan penggunaan lembaran “TGB” dalam membetulkan teknik menulis Hana bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Tiga?

Penggunaan lembaran “TGB” ini telah memberikan kesan yang positif kepada Hana. Lembaran “TGB” ini telah berjaya membetulkan teknik menulis Hana bagi empat huruf tersebut. Saya telah membandingkan data kesan tindakan dengan data sebelum tindakan. Data sebelum tindakan iaitu pada 9 Februari 2012, menunjukkan Hana mendapat peratusan kesalahan sebanyak 100%. Selepas menggunakan lembaran “TGB”, didapati Hana tidak mempunyai kesalahan pada hasil kerjanya yang terakhir pada 20 April 2012. Rajah 12 menunjukkan hasil kerja Hana sebelum tindakan dibandingkan dengan hasil kerja selepas tindakan.

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Data sebelum tindakan</li> <li>• Mendapat 100%</li> <li>• Gred E</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Data kesan tindakan</li> <li>• Mendapat 0%</li> <li>• Gred A</li> </ul>
--	--

Rajah 12. Perbandingan data sebelum tindakan dengan data kesan tindakan.

Kemahiran menulis Hana telah meningkat apabila menjalani beberapa siri tindakan menulis huruf sehinggalah menulis ayat menggunakan lembaran “TGB” (Sila Rujuk Rajah 13).

Tarikh	Tindakan	Kekerapan Kesalahan per Keseluruhan				Peratus (%)	Gred
		g	p	s	y		
9 Februari 2012	Sebelum tindakan	6/6	4/4	5/5	3/3	100	E
26 Mac 2012	Menulis huruf dengan TGB dan CHB	11/42	5/42	3/42	9/42	16.7	B
4 April 2012	Menulis perkataan dengan TGB dan CHB	2/63	3/63	1/63	3/63	3.6	A
5 April 2012	Menulis ayat dengan TGB dan CHB	0/2	0/2	0/2	0/2	0	A
12 April 2012	Menulis ayat dengan TGB dan CHB	0/3	0/3	0/3	0/3	0	A
16 April 2012	Menulis ayat dengan TGB dan CHB	0/28	0/16	0/12	0/12	0	A
20 April 2012	Menulis ayat dalam perenggan tanpa TGB dan CHB	0/15	0/12	0/9	0/7	0	A

Rajah 13. Dapatan keseluruhan tindakan.

Berdasarkan Rajah 13, Hana telah menunjukkan prestasi yang baik bermula pada 26 Mac 2012 yang mana dia mendapat gred B. Kemudian, didapati gred semakin baik iaitu Hana memperoleh gred A sehingga pada 20 April 2012. Peratusan kesalahan menurun daripada 100% kepada sifar peratus. Ini membuktikan Hana menguasai kemahiran menulis empat huruf tersebut. Hana juga menyatakan dia “lebih senang” menulis menggunakan lembaran “TGB” dan “suka” menulis

meningkat kerana dia mendapat gred A semasa saya menemu bualnya pada 20 April 2012 (Sila Rujuk Rajah 14).

Saya	Latihan menulis mana yang senang?Gunakan lembaran TGB ataupun buku tulis sekolah yang baris satu?
Hana	Yang ini. (sambil menunjukkan lembaran TGB)
Saya	Kenapa?
Hana	Suka. Lebih senang tulis.
Saya	Masih suka menulis?
Hana	Semakin suka. Dapat "A".
HANA (TB6): 200412	

Rajah 14. Transkripsi temu bual dengan Hana pada 20 April 2012.

- **Sejauh manakah penggunaan lembaran "TGB" dapat menambah baik amalan saya dalam P&P untuk kemahiran menulis bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Tiga?**

Pertama, amalan sendiri saya dapat ditingkatkan menerusi kolaborasi dengan guru sekolah. Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Wong Kiet Wah (2010) menyatakan bahawa melalui kolaborasi dengan orang lain, banyak pengetahuan dapat diperolehi dan dikongsi bersama. Sepanjang tindakan, saya selalu berkolaborasi dengan Cikgu Aey kerana beliau lebih berpengalaman daripada saya dan pandangannya banyak membantu saya. Temu bual saya dengan Cikgu Aey pada 12 April 2012 menunjukkan Cikgu Aey mencadangkan saya menjalankan tindakan terhadap Hana menulis ayat menggunakan lembaran "TGB" tanpa dibantu carta huruf berpetak untuk melihat tahap penguasaan Hana. Rajah 15 menunjukkan transkripsi temu bual saya terhadap Cikgu Aey pada 12 April 2012.

Saya	Ini merupakan hasilnya dalam aktiviti menulis perkataan. Apakah pandangan cikgu tentang hasil kerjanya?
Cikgu Aey	Tak ada lagi kesalahan. Semakin bagus. Masih guna carta huruf?
Saya	Masih. Saya ingin membawanya ke peringkat menulis ayat lagi. Adakah cikgu bersetuju?
Cikgu Aey	Boleh. Tapi cuba suruh dia tulis tanpa carta. Tengok apa hasilnya nanti.
GS (TB3):120412	

Rajah 15. Transkripsi temu bual dengan Cikgu Aey pada 12 April 2012.

Kedua, pengetahuan saya terhadap kaedah membaiki tulisan dapat ditingkatkan menerusi pembacaan daripada kajian-kajian lepas. Hasil pembacaan tersebut, skop pengetahuan saya tentang kemahiran menulis bertambah yakni saya mendapat pengetahuan baharu bahawa selain penggunaan buku garis tiga dan empat garis, buku latihan yang berpetak juga boleh digunakan untuk mempertingkatkan kemahiran menulis. Peningkatan kemahiran menulis murid menggunakan buku latihan berpetak turut dilihat menerusi hasil kajian Lina Ping Madang (2010) yang menggunakan "KKB" berjaya membantu muridnya menulis huruf kecil "j" dengan betul.

Seterusnya, saya mengetahui kebaikan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) semasa mengajar kemahiran menulis. BBM haruslah berpusatkan murid yakni ianya sesuai dan mudah digunakan oleh murid. Prinsip ini saya terapkan semasa menghasilkan "CHB". "CHB" sesuai sebagai rujukan Hana kerana semasa menulis menggunakan lembaran "TGB", Hana mengaku menyatakan bahawa dia sentiasa

melihat “CHB” semasa menulis menerusi temu bual saya dengannya pada 26 Mac 2012, 5 April 2012 dan 12 April 2012 seperti yang ditunjukkan pada Rajah 16.

The image displays three interview transcripts with handwritten annotations. A box labeled "Menulis sambil merujuk 'CHB'" has arrows pointing to three instances of "Ya." in the transcripts. The transcripts are from Hana (TB3) 260312, Hana (TB3) 050412, and Hana (TB4) 120412.

Transcript 1 (HANA (TB3) 260312):  
Saya: Adakah awak merujuk carta huruf berpetak semasa menulis?  
Hana: Ya. Ada.  
Saya: Adakah lembaran TGB ini sesuai untuk awak?  
Hana: Suka tulis guna petak. Ini warna-warni. (sambil menunjuk carta huruf berpeta)

Transcript 2 (HANA (TB3) 050412):  
Hana: Saya boleh buat.  
Saya: Adakah awak masih menulis mengikut carta huruf berpetak?  
Hana: Ya.

Transcript 3 (HANA (TB4) 120412):  
Saya: Mengapa awak menulis huruf kecil "y" begini?  
Hana: Sama dengan carta ni. (sambil tunjuk carta yang digantung)  
Saya: Betul awak ada rujuk carta ini?  
Hana: Ya. (sambil menganggukkan kepala)  
Saya: Apakah perasaan awak semasa menulis menggunakan lembaran TGB?  
Hana: Suka Cantik.

Rajah 16. Tiga hasil temu bual menyatakan Hana merujuk “CHB” semasa menulis.

### Refleksi Penilaian Tindakan

Kekuatan penyelidikan tindakan yang telah saya laksanakan terbukti apabila peserta kajian saya berjaya menguasai kemahiran menulis empat huruf tersebut. Lembaran “TGB” didapati berkesan dalam membetulkan kemahiran menulis huruf Hana. Hana tidak lagi menulis huruf kecil “g” dan “y” di atas garisan. Malahan, dia juga tidak menulis huruf kecil “p” dan “s” seakan-akan huruf besar. Malahan, tindakan ini telah berjaya meningkatkan minat Hana terhadap kemahiran menulis.

Untuk diri saya pula, kajian ini menyebabkan saya lebih prihatin dengan masalah yang timbul dalam kalangan murid. Keprihatinan ini ditonjolkan apabila saya sentiasa membantu dan membimbing Hana sepanjang tindakan. Secara tidak langsung juga, kajian ini menyebabkan saya berusaha mencari jalan penyelesaian untuk menangani masalah murid melalui pembacaan buku-buku ilmiah dan kajian lepas bagi mencari jalan penyelesaian bagi menangani masalah peserta kajian. Kemahiran membaca secara ilmiah dalam diri saya dapat ditingkatkan berbanding sebelum ini saya sememangnya kurang membaca terutama sekali bacaan ilmiah.

Kesan penyelidikan tindakan ini turut mempersoalkan kualiti Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang sedia ada. Kemahiran menulis sememangnya ditekankan dalam Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Bahasa Melayu. Namun, ianya tidak bersifat menyeluruh yakni kemahiran menulis yang diterapkan dalam HSP lebih menjurus kepada aspek kemahiran menulis secara kognitif dan bukannya dari segi aspek teknikal kemahiran itu sendiri. Saya bersependapat dengan Anisah Anuar (2010) tentang KBSR kerana kemahiran menulis untuk murid Tahun Tiga dalam HSP menekankan aspek membina ayat tunggal, ayat majmuk dan sebagainya. Saya berharap agar hasil penyelidikan tindakan yang saya jalankan ini mampu membawa perubahan terhadap kurikulum Bahasa Melayu yang sedia ada.

### Refleksi Pembelajaran Kendiri

Penglibatan saya dalam penyelidikan tindakan mendatangkan manfaat kepada saya dari aspek amalan profesion guru, amalan sebagai seorang guru Bahasa Melayu dan amalan sebagai seorang penyelidik.

### **Amalan profesion guru**

Amalan profesion guru dalam diri saya dapat ditingkatkan menerusi penyelidikan tindakan ini kerana melalui penyelidikan tindakan, hubungan kolaborasi yang baik antara saya dengan pihak sekolah diwujudkan. Sepanjang saya menjalankan tindakan, saya sentiasa merujuk kepada guru sekolah tersebut untuk berkongsi pandangan. Saya sentiasa mengadakan sesi temu bual dengan Cikgu Aey sepanjang tempoh tindakan. Budaya berkolaborasi merupakan budaya yang dikehendaki sebagai salah satu usaha dalam meningkatkan profesionalisme seseorang guru (Noriati A. Rashid, et al., 2010).

### **Amalan sebagai guru Bahasa Melayu**

Penyelidikan tindakan ini telah meningkatkan kesedaran saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu supaya peka dengan masalah yang dihadapi oleh murid. Jika sebelum ini saya kurang memberi penekanan kepada kemahiran menulis, namun selepas menjalankan penyelidikan tindakan ini, saya menyedari bahawa kemahiran menulis merupakan suatu kemahiran yang wajib dikuasai oleh murid. Untuk membolehkan murid menguasai kemahiran menulis tersebut, peranan saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu membimbing murid supaya dapat menulis dengan betul adalah penting. Dengan adanya bimbingan daripada saya, Hana mampu menulis empat huruf tersebut dengan betul. Situasi sebegini menyebabkan saya sedar bahawa seseorang guru haruslah sentiasa membimbing muridnya semasa melaksanakan sebarang aktiviti dan bukannya meletakkan sepenuh kepercayaan kepada murid tersebut bahawa mereka mampu melakukannya tanpa bimbingan daripada guru.

Selain itu, saya dapat memberikan markah yang setimpal dengan hasil kerja Hana. Jika sebelum ini saya sukar memberikan sebarang gred seperti A, B atau C kepada hasil kerja Hana. Namun, selepas tindakan ini, saya dapat melakukannya berdasarkan rubrik. Kategori untuk gred yang saya bina sendiri sebagai salah satu cara memberi penegasan positif. Pemberian gred yang setimpal dengan hasil kerjanya dapat meningkatkan prestasi Hana dan sentiasa menghasilkan hasil kerja yang memuaskan sepanjang tindakan.

### **Amalan sebagai seorang penyelidik**

Penyelidikan tindakan telah mengajar saya tentang kepentingan etika. Sebagai seorang penyelidik, saya telah meminta kebenaran daripada Hana untuk melibatkannya sebagai peserta kajian. Saya juga memberitahu rasional pemilihannya sebagai seorang peserta kajian saya dan menjaga haknya sebagai seorang peserta kajian. Malahan, saya tidak memaksa Hana untuk menjadi peserta kajian dan unsur kerahsiaan dari segi nama sebenarnya sentiasa dijagai dan dititikberatkan. Secara tidak langsung etika kerahsiaan ini adalah bertujuan untuk melindungi hak dan maruah peserta.

Penyelidik mengamalkan prinsip kejujuran dan keikhlasan sepanjang melaksanakan penyelidikan tindakan. Saya bersifat jujur dan ikhlas membantu Hana membaiki kemahiran menulisnya di samping menambah baik amalan saya sendiri.

Penyelidik juga haruslah sentiasa memperbaiki dan mempertingkatkan pengetahuan melalui pembacaan secara ilmiah. Semasa melaksanakan tindakan

ini, saya telah membaca hasil-hasil kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan oleh guru-guru pelatih, guru sekolah dan pensyarah. Melalui pembacaan yang meluas, barulah saya memperoleh idea-idea untuk membantu menangani masalah Hana. Saya memperoleh idea penggunaan lembaran TGB daripada hasil pembacaan saya terhadap kajian yang dilakukan oleh Lina Ping Madang (2010) dan penggunaan carta huruf pula diperoleh daripada hasil pembacaan kajian Anisah Anuar (2010) dan Mamat Chungat (2005).


### Cadangan Tindakan untuk Kitaran Seterusnya

Saya telah menemu bual Shahidatul dan Cikgu Aey mengenai cadangan penambahbaikan terhadap tindakan saya. Masing-masing mencadangkan supaya saya menjalankan tindakan yang seterusnya mengenai kekemasan tulisan murid. Walaupun Hana dapat menulis empat huruf tersebut dengan betul, namun, dari segi kekemasan tulisan iaitu saiz tulisan Hana kurang memuaskan. Cikgu Aey juga menyatakan panjang ekor bagi huruf kecil yang berekor seperti huruf “g”, “p” dan “y” tidak sama panjang. Rajah 17 menunjukkan hasil temu bual saya bersama dengan Shahidatul dan Cikgu Aey pada 23 April 2012.

	<b>tidak seperti nurur besar lagi.</b>	
Saya	Apakah cadangan penambahbaikan untuk tindakan saya ini?	
Cikgu Aey	Tindakan ini bagus. Dari segi hasil kerja murid ini memang memuaskan namun kekemasan perlu diperbaiki lagi.	
Saya	Kekemasan dari segi apa?	
Cikgu Aey	<b>Saiz tulisan</b> yang elok. (sambil menunjukkan perkataan itu dalam latihan murid) <b>Saiz</b> terlalu besar. Tidak seragam. <b>Panjang ekor huruf juga tidak sekata.</b> Ada yang panjang dan ada yang pendek walaupun ditulis dengan betul.	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px;">                 Panjang ekor huruf tidak sekata             </div>
<b>23 April 2012</b>		GS (TGB) 230412
Saya	Apakah cadangan penambahbaikan untuk tindakan saya ini?	
Shahidatul	<b>Saiz tulisan murid ini boleh diperbaiki lagi.</b>	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px;">                 Saiz tulisan tidak sekata             </div>
Saya	Maksud anda?	

Rajah 17. Temu bual mengenai cadangan penambahbaikan tindakan bersama Shahidatul dan Cikgu Aey pada 23 April 2012.

Oleh itu, jika saya ditempatkan di sekolah yang sama, saya ingin lanjutkan kajian saya terhadap Hana sekali lagi jika berkesempatan dan kali ini saya berfokuskan kepada saiz tulisan. Saya juga akan mengubah suai lembaran “TGB” dengan menambah satu barisan garis putus-putus di bawah “TGB” seperti yang ditunjukkan pada Rajah 18.



Rajah 18. Pengubahsuaian terhadap lembaran “TGB”.

Garis putus-putus tersebut berfungsi supaya huruf yang berekor haruslah menyentuh garis tersebut dengan tidak melepasi seperti yang ditunjukkan pada Rajah 18.

Jika saya ditempatkan di sekolah lain pula, saya akan mengaplikasikan penggunaan lembaran “TGB” dan “CHB” dalam menangani masalah kekemasan tulisan dan masalah menulis huruf besar dan huruf kecil selain daripada empat huruf tersebut.

Secara keseluruhannya, penyelidikan tindakan ini telah memberikan pengetahuan baharu kepada saya mengenai kemahiran menulis dan berharap dapat mengaplikasikan pengetahuan tersebut apabila saya menjadi guru baharu di sekolah nanti.

### **RUJUKAN**

- Anisah Anuar (2010). Membetulkan tulisan huruf “k” dan “s” kecil murid Tahun 3 menggunakan lembaran kerja garisan berkembar dibantu oleh carta huruf dan kaedah ansur maju. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan 2010 IPG Kampus Batu Lintang*, 37 – 54.
- Husin Fateh Din, Nazariyah Sani, Mastura Mohamed Berawi & Siti Hajar Idrus. (2011). *Literasi Bahasa Melayu*. Perak: Penerbitan Multimedia.
- Lina Ping Madang. (2010). Penggunaan kertas kotak bergaris dalam membantu murid Tahun 2 menulis huruf “j” besar dan kecil dengan betul semasa menjawab soalan kefahaman Bahasa Melayu. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan 2010 IPG Kampus Batu Lintang*, 157 – 171.
- Mamat Chunggat. (2005). Bacalah Cici..! *Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan 2005 Maktab Perguruan Batu Lintang*, 15 – 22.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Wong Kiet Wah. (2010). *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru*. Selangor: Oxford Fajar.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Selangor: Oxford Fajar.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Melayu Tahun 3*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sassoon R. (2003). *Handwriting Second Edition: The Way To Teach It*. London: Paul Chapman Publishing.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Selangor: PTS Profesional.